



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI PERIKANAN (BIDANG TEKNIKAL) (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERIKANAN (BIDANG TEKNIKAL)**  
**JABATAN PERIKANAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN )**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. **TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam *Architectural Engineering / Building Engineering / Civil Engineering / Electrical Engineering / Engineering / Mechanical Engineering / Structural Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. **TANGGA GAJI B.2:**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Architectural Engineering / Building Engineering / Civil Engineering / Electrical Engineering / Engineering / Mechanical Engineering / Structural Engineering* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Penolong Pegawai Perikanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dalam mengurus tadbir Pegawai dan Kakitangan bawahan;
2. Membantu Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dalam merancang, melaksanakan dan mengawasi pelaksanaan kemajuan projek-projek termasuklah projek-projek Rancangan Kemajuan Negara, Jabatan Perikanan dan yang di bawah kendalian konsultan dan menyediakan laporan perkembangannya;
3. Bertanggungjawab mencadangkan projek-projek baru dari segi kerja-kerja kejuruteraan dalam pelaksanaan Rancangan Kemajuan Projek Industri Perikanan dan kerja-kerja teknikal yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan;
4. Membantu Ketua Divisyen dalam menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan Divisyen / Seksyennya;
5. Menyediakan dokumen kontrak dan lukisan untuk tawaran dan sebut harga termasuk membuat penilaian / sokongan;
6. Mengadakan pemeriksaan atau ujian ke tapak Projek Industri Perikanan;
7. Memantau kemajuan industri dengan memberi nasihat dan cadangan dari segi teknikal dan kejuruteraan yang bersangkutan paut supaya projek berjalan dengan teratur dan lancar mengikut sasaran-sasaran yang telah ditetapkan;
8. Menyelaras pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Perikanan 2016-2020 bagi Seksyen yang berkenaan di Jabatan Perikanan;
9. Memantau kemajuan industri yang berkaitan supaya berjalan dengan teratur dan lancar mengikut sasaran-sasaran yang telah ditetapkan;
10. Memastikan Akta-Akta Perikanan dan Peraturan-Peraturan Perikanan dipatuhi oleh semua pihak yang berkecimpung di dalam Industri Perikanan;
11. Menyelaras komitmen Jabatan dalam Forum Serantau dan Antarabangsa seperti *The Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC)*, *The Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)* dan lain-lain; dan
12. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Divisyen / Ketua Seksyen dan Pegawai atasan dari semasa ke semasa.